



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS AMANAT
YB MENTERI PERPADUAN NEGARA
TAHUN 2024**

**16 JANUARI 2024 (SELASA)
9.30 PAGI**

**DEWAN PUTRA B
PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA
(PICC)**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI,

Terima kasih kepada Pengacara Majlis.

SALUTASI

*disediakan secara berasingan

PENDAHULUAN

1. Syukur, kita semua dapat berkumpul sama-sama pada hari ini di **Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)** bagi **Majlis Amanat Tahun 2024**.
2. Masih tidak terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2024 kepada seluruh keluarga besar Kementerian Perpaduan Negara (KPN). Semoga semua warga KPN dapat memulakan tahun baharu ini dengan azam dan semangat yang tinggi bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat Malaysia.
3. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini **mengalukan YB Senator Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara yang baharu** ke KPN.

4. Ingin juga saya mengalu-alukan kehadiran kesemua jentera perpaduan yang merangkumi pelbagai latar belakang dan generasi. Antara yang hadir pada hari ini adalah:

- Anggota Kawasan Rukun Tetangga
- Anggota Skim Rondaan Sukarela
- Sekretariat Rukun Negara
- Kelab Rukun Negara
- Alumni Sukarelawan Siswa
- Skuad Uniti
- Mediator Komuniti
- Tadika Perpaduan
- Friends of Uniti
- Rakan Strategik Perpaduan
- Rakan Media Perpaduan

5. Pada tahun lepas, melihat kepada peri pentingnya seluruh rakyat **memahami sejarah, ketamadunan, warisan negara serta kesukarelawan**, Kementerian Perpaduan Negara telah diperkukuh dengan kemasukan tiga (3) Jabatan dan tiga (3) yayasan iaitu:

- **Jabatan Muzium Malaysia (JMM),**
- **Arkib Negara Malaysia (ANM)**
- **Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)**

- **Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR)**
- **Yayasan Tun Razak (TYR)**
- **Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS)**

6. Selain itu, susulan daripada rombakan kabinet yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini, kini KPN turut diperkukuh dengan dua (2) agensi baharu iaitu:

- **Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA); dan**
- **Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang** (ini kita hanya memantau melalui Akta Fungsi Menteri manakala kuasa autonomi terletak sepenuhnya di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang).

7. Melalui pengukuhan ini, tentu sekali ia memberikan kelebihan kepada KPN untuk mencapai **tiga (3) objektif Dasar Perpaduan Negara** yang menetapkan strategi jangka panjang dalam usaha berterusan untuk memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat. Tiga (3) objektif ini harus diberikan perhatian khusus oleh Kementerian mahupun agensi-agensi dalam melaksanakan aktiviti dan inisiatif iaitu:

- mengukuhkan **perpaduan dan integrasi nasional** berteraskan **Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara**;
 - membentuk **identiti nasional** dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling hormat menghormati dan bertanggungjawab; dan
 - melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan **mengamalkan perpaduan**.
8. Kekuatan dalam kepelbagaian rakyat kita adalah kunci utama dalam melonjakkan prestasi Malaysia dalam soal kestabilan ekonomi dan pelaburan (***Unity in Diversity is the ultimate strength***).
9. Pendekatan melalui **“whole of government approach”** iaitu kerjasama antara agensi Kerajaan merentasi sempadan portfolio amat diperlukan bagi merealisasikan matlamat pembangunan Malaysia MADANI dan perpaduan negara. Oleh itu, Kementerian telah mengambil pendekatan melalui **pelaksanaan program (programme based)** untuk merapatkan jurang sosial antara rakyat Malaysia sekaligus meraikan kepelbagaian budaya, adat resam, perayaan dan warisan. Tema Kementerian

juga selari dengan matlamat ini iaitu **Membudayakan Perpaduan, Meraikan Kepelbagaian.**

PENCAPAIAN TAHUN 2023

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Jelas fokus kita adalah untuk **mewujudkan platform dan tapak integrasi yang dapat meningkatkan interaksi sosial antara rakyat berbilang bangsa iaitu dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program.** Kementerian melalui kesemua agensi telah berjaya melaksanakan sebanyak **661 program yang berteraskan kepada kluster Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah.**

11. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah atas komitmen yang telah diberikan oleh seluruh tenaga kerja kementerian dan agensi-agensi dalam menjayakan program pada tahun 2023. Saya juga ingin kongsi kepada semua terutamanya jentera perpaduan berhubung pencapaian utama tahun 2023. Antara pencapaian utama tahun 2023 adalah:

- **Pelancaran Flagship Kembara Perpaduan Malaysia Madani** – yang berjaya menyepadukan pelaksanaan aktiviti berasaskan perpaduan dan komuniti.
- **Sambutan Minggu Perpaduan peringkat Kebangsaan** – Jemaah Menteri telah memutuskan agar minggu terakhir Mei setiap tahun untuk diadakan sambutan ini. Pada tahun lepas, Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong sendiri hadir menyempurnakan di Kuching, Sarawak.
- **Lafaz Ikrar Rukun Negara** – Jemaah Menteri juga telah bersetuju agar ikrar Rukun Negara dilafazkan bermula dari mukadimah diikuti dengan lima prinsip dalam program rasmi kerajaan dan perhimpunan sekolah. Mulai tahun ini juga Rukun Negara akan dilafazkan pada setiap sesi pembukaan penggal di Parlimen Malaysia.
- **Inisiatif Ini Warisan Kita** – usaha untuk meningkatkan pengetahuan rakyat terhadap khazanah warisan negara. Antara aktiviti KPN adalah seperti Bicara Bahasa Kolokial, pengajaran Bahasa Siam, pameran Rumah KAMI, Debat

Perpaduan, Misi Sukarelawan Siswa serta program warisan masyarakat Chetti dan Siam.

- **Liga Sukan Uniti** – penganjuran tahun 2023 terdapat pertambahan jumlah aktiviti sukan dan berjaya melibatkan penyertaan seramai lebih 15,000 orang.
- **Pemberian Geran** – KPN telah menyediakan geran kepada pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) untuk turut serta dalam menjayakan agenda perpaduan melalui Geran Ini Warisan Kita (RM 528,400.00) dan Geran NGO (RM1,389,200.00).
- **Citra Nusa @ Muzium** – pelaksanaan program berbentuk festival di muzium-muzium terpilih bagi menyuburkan minat golongan muda terhadap warisan negara *tangible* dan *intangible*.
- **Sambutan Hari Muzium peringkat antarabangsa** – Sambutan ini telah dilaksanakan di Kuching Sarawak dengan kerjasama Jabatan Muzium Sarawak. Sebanyak 27 muzium dari dalam dan luar negara telah terlibat.

- **Program Bermalam di Muzium** – merupakan satu program untuk mendekatkan anak-anak muda dengan warisan negara. Sebanyak 25 muzium dan 1,498 pelajar telah terlibat pada tahun 2023.
- **Pelancaran Maya e-Negarawan** – kini semua dapat melawat 10 arkib memorial dan galeri negarawan secara maya.
- **Klik e-usahawan @ Perpustakaan Desa-** telah dilancarkan di Perpustakaan Desa, Kampung Panching, Kuantan. Ini merupakan program kolaborasi dengan MDEC yang bertujuan meningkatkan ilmu pemasaran digital.
- **International Volunteers Cooperation Organisation (IVCO)** – dianjurkan oleh Yayasan Sukarelawan Siswa yang berjaya menghimpunkan seramai 180 peserta dari 51 negara bagi membincangkan hala tuju sukarelawan global.
- **Aktiviti KRT** – sebanyak 70,320 aktiviti melibatkan KRT telah dilaksanakan yang merangkumi kebuniti, ziarah perpaduan, bakul rahmah, gerak kerja pasca banjir, jom perangi jenayah, projek ekonomi, projek

kraftangan, sayangi komuniti, jiranku keluargaku dan sebagainya.

- **Tuisyen KAMI** – menyediakan pendidikan tambahan percuma kepada 3,414 pelajar B40 di Kawasan Rukun Tetangga.

HALA TUJU KPN TAHUN 2024

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. **Anjakan transformasi perkhidmatan** dan pelaksanaan program **Kementerian** telah pun diberikan tumpuan khusus di sepanjang **Bengkel Perancangan Strategik KPN pada penghujung tahun 2023** lalu.
13. Melalui perancangan sebegini, Kementerian dapat menetapkan **keutamaan, strategi** dan **inisiatif** ‘*way forward*’ yang **sesuai** bagi mendepani pelbagai **isu** dan cabaran perpaduan yang menjadi ***delicate fabric*** di Malaysia ini.
14. Kini peranan Kementerian turut menjadi lebih besar sejak penstrukturan semula agensi Kerajaan. Sehubungan dengan itu, **Kertas Cadangan penstrukturan dan**

penyusunan semula bahagian-bahagian di bawah Kementerian akan diteliti dan diangkat untuk pertimbangan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan kadar segera.

15. Saya juga telah meminta YBhg. Datuk Ketua Setiausaha Kementerian untuk meneliti dengan segera berhubung penstrukturan gred dan bilangan perjawatan Pegawai Perpaduan Negeri (PPN) dan Daerah (PPD) supaya setiap daerah diwakili pegawai perpaduan yang sewajarnya dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

AGENDA 1 : PEMERKASAAN KAWASAN RUKUN TETANGGA (KRT)

Hadirin yang dihormati sekalian,

16. Pada tahun 2023 sahaja kita menyaksikan pertambahan **49 KRT** iaitu daripada **8,348** kepada **8,397**.
17. **Peranan Kawasan Rukun Tetangga (KRT)** sebagai jentera utama perpaduan negara turut melalui **transformasi** daripada hanya bertumpukan aspek keselamatan “*neighbourhood watch*” kepada **lapan (8) bidang tumpuan baru** iaitu:

- **keselamatan dan ketahanan komuniti;**
- **pendidikan sepanjang hayat;**
- **ekonomi dan sara hidup;**
- **daya cipta;**
- **alam sekitar;**
- **kepimpinan;**
- **kesejahteraan komuniti; dan**
- **warisan dan budaya.**

18. Sejalan dengan agenda tersebut, maka peranan KRT akan diperkasa sebagai **penggerak utama dan penghubung jalin (*bridge builder*)** penting dalam komuniti melalui peningkatan keupayaan dan struktur pentadbiran yang kukuh serta kerjasama strategik semua pihak bagi merealisasikan aspirasi masyarakat progresif.
19. Pada tahun ini, saya berharap agar sekurang-kurangnya **116 KRT akan dapat diperkasa sebagai Model Komuniti Progresif** yang menjadi penanda aras kepada KRT lain.
20. Dalam Bajet 2024, turut diperuntukkan sebanyak RM20 juta bagi memperkasakan **peranan KRT sebagai rujukan sosial yang menyediakan perkhidmatan dan penyebaran maklumat serta memupuk perpaduan dalam komuniti.** Justeru, saya telah mengarahkan

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) untuk menyediakan **Pelan Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif**.

21. Susulan daripada itu, JPNIN telah mengadakan bengkel penyediaan pelan pemerkasaan KRT Progresif dengan kerjasama PDRM, Institut Keusahawan Negara, Institusi Pengajian Tinggi dan lain-lain. **Pelan ini akan dilancarkan pada bulan hadapan setelah mendapat kelulusan Jemaah Menteri.**

22. Bidang tumpuan **Ekonomi dan Sara Hidup** akan diberikan fokus lebih dengan matlamat **meringankan kos sara hidup, meningkatkan sosioekonomi dan menjamin kualiti hidup yang baik**. Antara inisiatif yang dirancang di bawah bidang tumpuan ini adalah:
 - **500 Projek Ekonomi Komuniti RT** (Kebuniti Madani, *Community Based Tourism*, Kraftangan dan penghasilan makanan)
 - **Karnival Ekonomi RT;**
 - **Kiosk@RT;**
 - **Koperasi KRT; dan**
 - **Jualan RT Mart.**

AGENDA 2 : PENGHAYATAN TERHADAP RUKUN NEGARA

Hadirin yang dikasihi sekalian,

23. Dari segi menghafal dan melafazkan Rukun Negara tidak menjadi masalah, tetapi saya tidak mahukan ia sekadar menjadi perhiasan di bibir.

24. Antara inisiatif atau program yang akan dilaksanakan pada tahun ini adalah:

- **Eksplorasi Rukun Negara**
- **Raja Kita, Payung Kita**
- **Pameran Raja Kita**
- **Pameran Arkib Diraja: Simbol Perpaduan Negara**
- **Konvensyen Sekretariat Rukun Negara**
- **Pemberian Geran RM 3000 kepada semua SRN di IPT**
- **Simposium Pendidikan Rukun Negara Pra Sekolah**
- **Kem Anak Malaysia**

AGENDA 3 : PENYUBURAN MINAT TERHADAP WARISAN DAN BUDAYA NEGARA

Hadirin yang dihormati sekalian,

25. **Warisan dan budaya tanah air adalah khazanah tidak ternilai yang mesti dilindungi dan dipelihara, supaya terus menjadi kebanggaan semua.** Ia bakal menjadi tatapan generasi seterusnya, kerana tamadun serta aspek sejarah yang lampau amat penting dalam **pembentukan identiti bangsa dan negara.**

26. Saya bersetuju agar Jabatan Muzium Malaysia untuk melaksanakan program-program di bawah inisiatif Citra Nusa @Muzium seperti berikut:

- **Festival Hari Muzium Antarabangsa** – akan dilaksanakan di Pulau Pinang dengan kerjasama Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang.
- **Program Bermalam di Muzium** – saya menerima banyak cadangan agar program ini diperluaskan kepada belia berumur 30 tahun. Oleh itu, saya umumkan bahawa program ini akan dilaksanakan secara dua peringkat dan melibatkan belia sehingga umur 30 tahun.

- **Persidangan Antarabangsa I-Ching** – Program berhubung Sejarah Lembah Bujang dengan kerjasama Kerajaan Negara China sempena 50 tahun hubungan diplomatik Malaysia - China.

27. Manakala bagi Arkib Negara Malaysia pula program-program adalah berbentuk pendokumentasian dan sejarah negara. Antaranya adalah :

- **Konvensyen Bahasa Kolokial Malaysia** – di Malaysia terdapat banyak Bahasa kolokial (Bahasa loghat) yang masih tidak direkodkan. Oleh itu, Arkib Negara Malaysia telah memulakan usaha pada tahun lepas melalui siri bicara dan tahun ini akan melaksanakan konvensyen secara besar-besaran.
- **Majlis Memperingati Negarawan** – tahun lepas Kerajaan telah melaksanakan Majlis Memperingati Tun Dr Ismail. Oleh itu, pendedahan mengenai sumbangan negarawan akan diteruskan pada setiap tahun. Saya telah meminta agar untuk tahun ini ia diadakan bagi Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dan Tun Jugah Anak Baieng.

28. Kementerian melalui Perpustakaan Negara Malaysia telah menjalankan **Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia bagi tahun 2022** yang menunjukkan peningkatan jumlah kepada **24 naskah** setahun berbanding hanya 15 naskah pada tahun 2014.
29. Sepanjang **Januari sehingga Oktober 2023 sebanyak 63,406 program galakan membaca** telah dilaksanakan dengan penyertaan keseluruhan adalah sebanyak 2,069,295 orang. Bagi tahun ini, saya telah meminta Perpustakaan Negara Malaysia untuk memperiatkan lagi program galakan membaca melalui:
- **Karnival Membaca Perdana;**
 - **World Book Day;**
 - **Kembara Ilmu;**
 - **Anugerah Buku PNM; dan**
 - **Program Pembudayaan Tulisan Jawi.**

AGENDA 4 : MEMACU AGENDA DIGITAL NEGARA

Hadirin yang dihormati sekalian,

30. Selaras dengan komitmen dan aspirasi Kerajaan mentransformasi Malaysia melalui dasar negara iaitu MyDigital. Kementerian dan agensi juga harus memainkan

peranan penting dalam memacu agenda ini. Oleh itu, saya bersetuju untuk Kementerian memberikan peruntukan kepada beberapa agenda digital dan memohon agar YBhg. Datuk Ketua Setiuasaha dapat membantu berhubung perkara itu. Antara pendekatan digital yang perlu diberikan keutamaan adalah :

- **Aplikasi MyKRT** – aplikasi khas untuk anggota KRT di seluruh negara bagi urusan pelaporan, “*real time data base*”, profiling data dan sebagainya.
- **Feel Safe @KRT** – bagi kegunaan anggota Skim Rondaan Sukarela. Ia seolah-olah seperti Aplikasi JagaApps.
- **KRT Shop** – akan dibangunkan dengan kerjasama MDEC bagi penjualan produk ekonomi KRT secara dalam talian.
- **Cashless Museum** – pembelian tiket masuk muzium secara dalam talian menggunakan platform seperti GrabPay, Touch n Go, Fave dan lain-lain.
- **Muzium Maya** – bahan pameran Muzium Alam Sekitar tidak dapat dipamerkan atas kekangan ketiadaan lokasi. Oleh itu, Muzium Maya Alam

Sekitar harus diwujudkan bagi memastikan pengetahuan berhubung flora dan fauna negara disampaikan kepada golongan muda.

- **E Negerawan** – menambah baik platform maya e-Negerawan yang dibangunkan oleh Arkib Negara Malaysia.
- **Galeri Maya Kebitaraan Malaysiana** – membangunkan galeri maya kebitaraan Malaysiana yang berasaskan web-based yang merangkumi elemen utama mengikut keperluan terkini seperti Artificial Intelligence (AI) dan Machine Learning (ML) yang boleh dicapai oleh masyarakat secara inklusif.
- **Sistem Perpustakaan Bersepadu Baharu** – Melanggan sistem perpustakaan bersepadu (ILS) baharu bagi memastikan perkhidmatan perpustakaan yang ditawarkan kepada pengguna seiring dengan teknologi semasa agar dapat memenuhi keperluan rakyat Malaysia.

AGENDA 5 : PEMERKASAAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT INDIA DI MALAYSIA

Hadirin yang dihormati sekalian,

31. Komuniti India merupakan salah satu komponen utama yang membentuk masyarakat majmuk di Malaysia yang menjadi tunggak utama kepada pembangunan ekonomi negara, kepelbagaian budaya dan pembentukan identiti nasional. **Kaum India Malaysia merupakan kumpulan etnik minoriti kedua terbesar** yang tinggal di Malaysia, merangkumi 7% daripada jumlah penduduk.

32. Selaras dengan kemasukan MITRA ke KPN baru-baru ini, kita akan meneliti dan **membangunkan semula Pelan Tindakan Masyarakat India** dalam memperkasakan komuniti India di Malaysia dengan akan memberikan fokus kepada:
 - **pembangunan sosioekonomi dan peningkatkan pendapatan;**
 - **pembangunan sosial dan pembasmian miskin tegar;**
 - **Program Subsidi Pendidikan Awal Tadika Swasta (Tamil)**

- **Program Subsidi Bantuan Pengajian Ijazah Sarjana Muda & Diploma di IPTA/IPTS**
- **Program Bantuan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) MITRA**
- **Program Subsidi Bantuan Dialisis**
- **pemeriksaan pendidikan terutamanya bidang STEM dan TVET;**
- **program khas bagi remaja berisiko dan program peluang kedua;**
- **latihan kemahiran, penempatan & pepadanan pekerjaan serta keusahawanan.**

AGENDA 6 : MEMBANGUNKAN MALAYSIA SEBAGAI HUB KESUKARELAWAN

Hadirin yang dikasihi sekalian,

33. Penglibatan dalam kesukarelawanan dapat memperkuat dan memperkasa komuniti, meningkatkan integrasi sosial, membina kepercayaan dan ikatan sosial yang kuat yang sekali gus menyumbang kepada perpaduan negara. Nilai kesukarelawanan perlu dibangunkan secara holistik agar masyarakat didedahkan dengan sifat dan falsafah kesukarelawanan secara berterusan kerana ia secara tidak langsung memupuk

kepada keharmonian sejagat sejajar dengan penghayatan konteks Malaysia MADANI.

34. Baru-baru ini ketika Majlis Penyampaian Anugerah MyHero, saya turut mengumumkan bahawa Kementerian Perpaduan Negara akan melantik **50 orang Duta Perpaduan dan 2 Ikon Perpaduan setiap tahun bermula tahun ini**. Pengumuman Ikon Perpaduan ini akan dibuat ketika Sambutan Minggu Perpaduan.

35. Ini adalah inisiatif peringkat kerajaan persekutuan. Manakala pihak korporat dan kerajaan negeri juga mempunyai inisiatif seperti:

- **MyHero Awards (Duta Perpaduan) oleh KLSCCCI**
- **Duta Perpaduan Johor oleh Kerajaan Negeri Johor**
- **Duta Perpaduan Selangor oleh Kerajaan Negeri Selangor**

36. Tujuan utama pelaksanaan inisiatif ini bagi mengasah kemahiran dan pengetahuan belia untuk menjadi pemimpin perpaduan dan keamanan dalam komuniti mereka. Antara empat bidang tumpuan inisiatif Duta Perpaduan adalah:

- **Perpaduan melalui kesukarelawan;**
- **Penghayatan Rukun Negara;**
- **Pengukuhan Perpaduan Negara; dan**
- **Pemuliharaan Khazanah Warisan Negara.**

37. Kita semua harus melipatgandakan usaha dalam menjadikan Malaysia sebagai hub kesukarelawan global yang mampu melahirkan pemimpin sukarelawan (**Volunteer Leaders**). Oleh itu, KPN akan meneliti dan mewujudkan **Dasar Kesukarelawan Nasional** yang akan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti sukarelawan di Malaysia.

38. Usaha ini harus dilakukan dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi.

AGENDA 7 : MENINGKATKAN KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA

Hadirin yang dimuliakan sekalian,

39. Tahun lepas, KPN dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah berjaya mengadakan **Mesyuarat Jawatankuasa Harmoni buat julung kalinya.**

40. Saya amat komited untuk menjayakan agenda keharmonian antara penganut agama melalui Inisiatif Harmoni MADANI yang akang dilaksanakan pada tahun ini. Antara aktiviti atau usaha murni yang akan dilaksanakan adalah seperti:

- **Bicara Harmoni;**
- **Wacana Memupuk Perpaduan Dalam Kepelbagaian Agama;**
- **Jerayawara Harmoni;**
- **Sambutan Hari Toleransi Sedunia;**
- **Sambutan Minggu Harmoni Sedunia; dan**
- **Interfaith – Dialog**

41. Dalam usaha menambahbaik peranan jawatankuasa ini, beberapa jawatankuasa kerja akan ditubuhkan seperti :

- **jawatankuasa kerja penambahbaikkan dasar dan polisi**
- **jawatankuasa kerja program dan inisiatif**
- **jawatankuasa peraturan dan tataracara**
- **jawatankuasa kempen dan promosi**

PENUTUP

42. Dalam melaksanakan hala tuju ini, selain daripada memanfaatkan apa yang telah dicapai dan belajar dari apa yang telah tercicir, juga tertumpu kepada **penilaian yang telus, bottom - up dan data - driven** terhadap keadaan semasa dan keperluan sebenar serta aspirasi masyarakat.
43. Bak kata orang Iban, “**Segulai Sejalai**” yang melambangkan kesatuan, perpaduan serta semangat kerjasama yang utuh dalam kalangan rakyat Malaysia. Sebelum berundur saya ingin akhiri ucapan ini dengan serangkap pantun.

***Tahun 2024 menjelma sudah,
Program disusun amat inklusif,
Kembara Perpaduan meluncur gagah,
Bagi membentuk masyarakat progresif.***

Sekian, terima kasih.